

PERUTUSAN

**YBHG. DATUK MOHD KHAIRUL ADIB BIN
ABD RAHMAN**

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

8 JUN 2020

Kepada semua warga JPA yang dihormati,
Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera.

BICARA MUKADIMAH

1. Pertamanya, saya ingin mengucapkan SELAMAT HARI RAYA AIDIL FITRI, SELAMAT HARI GAWAI DAN SELAMAT MENYAMBUT PESTA KAAMATAN kepada semua warga JPA yang meraikan perayaan tersebut. Semoga sambutan perayaan ini tidak kurang meriah dan maknanya berbanding tahun-tahun sebelum ini. Sambutannya tatkala Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang menghadkan kunjungan ramai, telah memberikan kita pilihan unik untuk merayakannya bersama orang yang terpilih sahaja iaitu ***those who matters to us***, dan bukan untuk menikmati hidangan atau memenuhi semua jemputan. Disinilah kita membuat pilihan sendiri. Pilihan dan keutamaan hati sendiri.
2. Saya memilih untuk mencoretkan perutusan ini kerana sudah sekian lama kita tidak dapat mengadakan perhimpunan bulanan sejak PKP dikuatkuasakan. Ini berikutan SOP PKP yang dikeluarkan yang **tidak membenarkan perhimpunan ramai** bagi mengawal penularan pandemik Covid-19. Ia juga mencerminkan komitmen pengurusan dalam menjamin keselamatan dan kesihatan warga JPA yang sentiasa diutamakan. Dalam masa tersebut, terdapat rakan kita yang dikesan positif Covid-19. Tindakan segera telah diambil untuk nyahcemar bangunan C1, C2 dan C3. Ini adalah manifestasi dari pengurusan dalam memastikan keselamatan tempat bekerja terjamin sebaik mungkin. Sungguhpun tidak bersua muka, ingatan kepada semua tetap di hati. Diperhatikan, tugas-tugas harian Jabatan kita tetap berjalan lancar sungguhpun berhadapan dengan pelbagai kekangan. Kita juga telah didedahkan dengan normal baharu bekerja yang akan berterusan ditekankan, tanpa menjejaskan produktiviti Jabatan.

WIRA YANG TAK DIDENDANGKAN

3. Kita telah melalui beberapa peringkat PKP bermula 18 Mac 2020. Kini kita berada di penghujung PKPB. Strategi PKP juga disusun selari dengan perkembangan semasa. Sepanjang hampir 3 bulan ini, kita telah melalui pelbagai cabaran yang tidak pernah kita hadapi sebelum ini – sama ada secara individu, keluarga mahupun organisasi. Bilamana pelan membendung penularan pandemik Covid-19 ini diarahkan serentak seluruh negara, kita bermula dengan mengeluarkan arahan Bekerja Dari Rumah (BDR) bagi sebahagian penjawat awam. Sebilangan lain pula ditugaskan untuk terus bekerja dari pejabat bagi sektor-sektor perkhidmatan kritikal atau menjadi *frontliners* dalam menangani penularan wabak Covid-19. Hasil perancangan rapi dan gerak kerja ini boleh dinilai oleh rakyat dan *outcome* hasil usaha ini juga telah dilaporkan secara meluas di peringkat antarabangsa. Sebagai penjawat awam, tugas kita adalah jelas – sebagai perancang dan pengerak jentera Kerajaan, tanpa soal. Arahan diterima dan dilaksanakan. Kesenambungan dan kesejahteraan negara di bahu kita. Kita berdepan dengan dua objektif yang mesti diimbangkan. Pertamanya untuk membendung penularan wabak dan yang keduanya, bagi memastikan kelangsungan hidup rakyat serta ekonomi negara terpelihara. Ringkasnya, ia menyentuh ***life and livelihood***.
4. Kesatuan hati penjawat awam bertindak semasa PKP ini tidak boleh diragui lagi. Strategi-strategi ***tactical dan surgical*** disusun dan dilaksanakan. Pelan-pelan pemuliharaan dan pemulihan dirancang dan diambil tindakan. Tidak kira sama ada *frontliners* yang berdepan secara langsung dengan virus Covid-19, mahupun petugas belakang tadbir di *backroom operations* bagi memastikan perkhidmatan-perkhidmatan sokongan lain seperti keselamatan; kewangan; rangsangan ekonomi; bahan asas serta bekalan dari pengeluaran, storan ke pengedaran; dan sebagainya berterusan dirancang dan disampaikan kepada rakyat. Rantainya kerja ini terlalu banyak untuk disenaraikan. Dipermukaannya, semua nampak tenang. Sungguhpun tabiat kehidupan harian kita berubah drastik tetapi keselamatan dan kesihatan kita terpelihara sebaiknya. Di sebalik keresahan PKP dan penularan wabak Covid-19, semua gerak kerja tindakbalas

yang dirancang, tetap berjalan lancar. Sungguhpun usaha kita mungkin tidak didedah atau didendangkan, namun perkhidmatan kita tetap dirasakan di segenap pelusuk dan keadaan. **#TeamPenjawatAwam**.

INTEGRITI DAN DISIPLIN DIRI

5. Namun, apa yang menyedihkan, di sebalik pelbagai usaha dan pengorbanan penjawat awam, masih terdapat segelintir penjawat awam yang tidak bersama-sama kita. Ada yang mementingkan diri sendiri dan membelakangkan Sumpah Ikrar Penjawat Awam. Sungguhpun telah berkali-kali peringatan dikeluarkan, masih ada yang melanggar PKP. Ada yang diberitakan memalsukan tarikh dokumen dan menipu Kerajaan. Ini menyentuh isu **INTEGRITI** kita. Sekiranya kita sebagai pegawai Kerajaan tidak patuh dengan undang-undang dan perintah yang dikeluarkan Kerajaan, siapa lagi yang patut patuh kepada Akta dan Perintah tersebut? Pada pandangan peribadi, mereka ini tidak layak melafaz sumpah keramat “Berkhidmat Untuk Negara”. Mereka ini adalah nanah dan duri dalam daging. Mereka tiada tempat di kalangan kita.
6. Kini kita sedang berada di ambang bermulanya PKP Pemulihan (PKPP). Disiplin diri yang ditunjukkan sejak PKP mula diperintahkan pada 18 Mac 2020 telah berjaya mengawal kadar jangkitan virus Covid-19 di kalangan rakyat tempatan. Susulan daripada itu, PKPP tentunya memberikan kita kelonggaran dalam pergerakan dan aktiviti harian kita semasa fasa pemulihan ini. Sungguhpun demikian, SOP umum yang telah diarahkan akan terus terpakai, tetapi pengawalannya adalah pada **disiplin diri**, sama seperti yang kita amalkan sebelum ini. Bagi fasa ini, kawalan dan kebersihan diri bergantung kepada pematuhan SOP pada peringkat individu.

NORMA KERJA BAHARU

7. PKPP ini juga harus dibaca selari dengan kehadiran ke pejabat yang akan mula ditingkatkan. Pada masa ini, perkhidmatan-perkhidmatan Kementerian / Agensi

Kerajaan telah pulih 100% dan kehadiran penjawat awam ke pejabat melebihi 70%. Oleh yang demikian, kehadiran penjawat awam di pejabat juga akan ditingkatkan selari dengan pembukaan sektor-sektor ekonomi dan sosial yang lain, termasuk sekolah-sekolah. Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan berterusan pada tahap 100%, Pengarah-pengarah Bahagian adalah diminta untuk **mengimbangi** antara keperluan kehadiran di pejabat dan kemudahan BDR sehingga sekolah dibuka sepenuhnya. Pertimbangan Fleksi-BDR harus diberikan kepada mereka yang masih menghadapi isu penjagaan anak di rumah sementara menantikan sekolah dibuka semula.

8. Dalam menghadapi situasi pandemik Covid-19 yang masih di persekitaran kita, saya menggesa semua warga JPA supaya memastikan keselamatan serta **kesihatan diri kita, keluarga dan rakan sepejabat diberi keutamaan.** Sekiranya kita mendatangkan risiko jangkitan/penularan, adalah wajar kita bertindak segera sepertimana arahan pihak berkuasa. Di peringkat Jabatan, segala usaha akan digandakan untuk memastikan persekitaran kerja mematuhi SOP umum KKM dan MKN. Penyesuaian (*customization*) akan dilaksanakan oleh bahagian-bahagian terbabit. Ini adalah normal baharu yang mesti kita budayakan di tempat kerja. Bahagian Khidmat Pengurusan akan memastikan persekitaran kerja yang selamat untuk semua warga JPA. Pengarah-pengarah Bahagian juga diminta untuk memantau dan memastikan persekitaran yang kondusif dan selamat bagi semua warga untuk kembali bekerja dengan yakin dan selamat.

KESEGERAAN TINDAKAN

9. Sungguhpun kita akan kembali semula bekerja di pejabat, keadaan di luar sana telah banyak berubah. Landskap yang kita kenali sebelum 18 Mac 2020 telah berubah mendadak. Pandemik Covid-19 telah merubah landskap sosial dan ekonomi dunia. Pandemik Covid-19 juga telah merubah landskap pasaran pekerjaan. Kadar pengangguran global saban hari semakin meningkat. Jelas sekali, ramai yang terkesan dari segi pendapatan dan pekerjaan. Sungguhpun kita tidak terkesan secara langsung daripada situasi ini, tugas mencabar

menanti kita adalah untuk membantu sektor swasta untuk membangunkan semula bisnis dan sektor-sektor ekonomi negara. Dalam hal ini, kesegeraan dalam tindakan adalah satu kemestian. Justeru itu, kita mesti menggunakan peluang ini untuk bersama-sama membantu membangunkan semula sektor ekonomi negara melalui tindakan-tindakan proaktif kita. Kita mestilah peka dan responsif kepada kehendak klien dan pemegang taruh kita. Apa jua tindakan kita, ia akan memberi impak kepada peluang pihak swasta untuk membina semula bisnis mereka. Bersandarkan ini, **kesegeraan tindakan, profesionalisme dan *facilitation*** dari kita pasti dapat memangkinakan pemulihan ekonomi negara. *Insyallah*.

10. Dari pengamatan di atas, persaingan untuk pekerjaan kini menjadi lebih sengit. Ramai yang ingin berkerja untuk menyara kehidupan mereka. Oleh itu, perlu ditekankan di sini bahawa kita **tiada toleransi kepada warga yang tidak produktif dan yang tiada integriti**. Sesiapa yang terpalit akan diketepikan dan diambil tindakan, bilamana terbukti. Tiada kompromi. Kita bersama-sama mereka yang terbaik sahaja dan yang boleh kita percayai. Kita mulakan semula iltizam kita dengan membuka lembaran baharu. Kita bergerak ke hadapan, menghindari dan menjauhi kesilapan lampau. Kita bersama mereka yang mahu berubah ke arah kebaikan dan yang memenuhi acuan Perkhidmatan Awam.

AKHIR KATA: ILTIZAM BAHARU

11. Akhir kata, kita sedang melalui krisis kesihatan dan ekonomi yang paling mencabar dalam sejarah moden kita. Perkhidmatan, sumbangan dan disiplin kita sebagai penjawat awam amatlah diperlukan pada masa ini. Rakyat bergantung harap supaya semua sistem kerajaan berjalan lancar dan yang akan membantu mereka untuk membina semula bisnis atau kerjaya mereka. Kita mesti berperanan untuk **membantu dan bukannya menyukarkan** keadaan. Kelangsungan hidup mereka juga akan menjamin masa depan Malaysia yang lebih berjaya. Pilihan di tangan kita. Adakah kita memilih untuk menyumbang secara positif ke arah kemakmuran dan kegemilangan semula Malaysia? Atau kita memilih untuk melihat sahaja?

Sekian, wabillahitaufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.


Sekian, terima kasih.

Selamat Bertugas. Selamat Berkhidmat Untuk Negara.

PENERAJU PEMBAHARUAN, PENGGERAK PERUBAHAN

**MEMPERKASAKAN RAKYAT
MELONJAKKAN PERNIAGAAN
MERANGSANG EKONOMI**

Saya yang menjalankan amanah,



DATUK MOHD KHAIRUL ADIB BIN ABD RAHMAN
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

**#TeamPenjawatAwam
#TeamJPA
#SolidaritiBersamaRakyat**

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh: 9 Jun 2020

Tel : 03 - 8885 3096/ 3146

Emel : komunikasi@jpa.gov.my

No. Ruj.: JPA.100-9/1/2 (87)